

**Kertas Statut 235 Tahun 1983**  
**MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN 1980)**  
**( Akta 237 )**

MENURUT seksyen 5 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, Yang di-Pertuan Agong dengan ini mengarahkan supaya elaun-elaun dan keistimewaan-keistimewaan bagi **AHLI PARLIMEN** adalah dinyatakan atas kadar-kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah ini:

**1A. ELAUN MESYUARAT**

- (a) Elaun ini dibayar pada kadar RM400 sehari kerana menghadiri persidangan Majlis Parlimen. ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015
- (b) Elaun ini dibayar pada kadar RM300 sehari kerana menghadiri mesyuarat, taklimat, seminar, bengkel dan lain-lain yang dianjurkan secara rasmi oleh Kementerian/Agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan atau Negeri yang daripadanya Ahli Parlimen menerima undangan rasmi untuk menghadirinya. ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015
- (c) Ahli Parlimen layak untuk dibayar satu elaun mesyuarat sahaja bagi mesyuarat yang dihadiri oleh Ahli Parlimen itu pada hari yang sama di bawah subperenggan (a) atau (b). ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003

**1B. ELAUN KERAIAN**

- (a) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Negara sebanyak RM2,000.00 sebulan.
- (b) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Rakyat sebanyak RM2,500 sebulan.

**1C. BAYARAN KHAS**

- (a) Bayaran ini dibayar kepada Ahli Dewan Negara pada kadar RM750 sebulan.
- (b) Bayaran ini dibayar kepada Ahli Dewan Rakyat pada kadar RM1,500 sebulan.

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

ST 179/2006  
kuat kuasa  
01.05.2006

(c) Bayaran ini dibayar kepada Ahli Parlimen kecuali Anggota Pentadbiran seperti yang ditakrifkan di bawah Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.

## 2. ELAUN HIDUP HARIAN SEMASA BERTUGAS RASMI

(a) Suatu elaun berjumlah RM170 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya dibayar apabila bertugas rasmi di luar Malaysia.

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

(b) Suatu elaun yang berjumlah RM100 bagi tiap-tiap 24 jam atau sebahagian darinya dibayar apabila bertugas rasmi –

ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003

(i) di suatu tempat yang jaraknya tidak kurang daripada 32 km pejabat / tempat kediaman Ahli Parlimen; atau

(ii) bagi menghadiri persidangan Majlis Parlimen tanpa mengambil kira jarak daripada pejabat / tempat kediaman Ahli Parlimen.

## 3. ELAUN MAKAN SEMASA BERTUGAS RASMI DI LUAR MALAYSIA

Elaun sebanyak RM340 layak dituntut bagi tiap-tiap kali bermalam di luar negeri.

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

## 4. BAYARAN SEWA HOTEL SEMASA BERTUGAS RASMI

(a) Bayaran Sewa Bilik Hotel yang dilakukan apabila bertugas rasmi di luar Malaysia hendaklah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan dan apa-apa pindaan kepadanya pada apa-apa kadar dan atas apa-apa terma dan syarat yang diberikan kepada Pegawai Kerajaan Gred 54 di bawah Sistem Saraan Malaysia.

ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003

(b) Jika menjadi perlu bagi seseorang Ahli Parlimen bermalam di luar pejabat atau tempat kediaman semasa bertugas rasmi di Malaysia, bayaran sewa hotel yang kena dibayar tidak boleh melebihi RM400 semalam dan hendaklah disokong dengan resit. Apa-apa caj atau cukai perkhidmatan yang dikenakan berkenaan dengan sewa hotel, boleh dituntut sebagai tambahan kepada kelayakan maksimum dengan syarat bahawa caj tersebut dimasukkan ke dalam bil sewa hotel itu.

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

Bagi maksud ini, ungkapan “di luar pejabat atau tempat kediaman” ertiannya jarak di luar lingkungan 32km (20 batu) dari pejabat atau tempat kediaman.

- (c) Jika tidak menginap di hotel, Elaun Lojing pada kadar RM80 semalam dibayar tanpa memerlukan sokongan apa-apa resit.

**ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003**

## **5. BELANJA PELBAGAI**

Belanja Pelbagai bagi perjalanan rasmi kerana menjalankan tugas rasmi atau mesyuarat rasmi sebagai Ahli Parlimen layak dituntut seperti berikut –

- (a) tambang pengangkutan awam jika tidak menggunakan kereta sendiri;
- (b) bayaran telefon dan telegram atas urusan rasmi;
- (c) belanja dobi yang disokong dengan resit semasa menginap di hotel;
- (d) bayaran cukai lapangan terbang yang disokong dengan resit;
- (e) bayaran “excess baggage” untuk barang-barang rasmi yang disokong dengan resit;
- (f) bayaran tempat letak kereta dan bayaran “toll” yang disokong dengan resit;
- (g) 25% dari Elaun Makan bagi maksud bayaran “tips” “gratuities” dan “porterage” semasa bertugas rasmi di luar Malaysia;
- (h) 3% daripada jumlah tuntutan perjalanan di luar Malaysia sebagai ganti rugi berkaitan penukaran matawang asing;

## **6. ELAUN PERJALANAN KENDERaan**

- (a) Jika menggunakan kereta sendiri, Elaun Perjalanan Kenderaan kerana menjalani tugas rasmi atau menghadiri mesyuarat rasmi sebagai Ahli Parlimen layak dituntut menurut kadar hitungan yang tertinggi sekali bagi Kelas A untuk pegawai Kerajaan.

- (b) Jika tidak menggunakan kereta sendiri bagi maksud di perenggan kecil (a), bayaran tambang sebenar pengangkutan awam layak dituntut.
- (c) Seorang ahli hanya berhak kepada satu elaun perjalanan jika mesyuarat dan tugas itu kurang daripada 28 hari dan jika tempoh itu 28 hari atau lebih maka ahli itu berhak kepada elaun perjalanan tambahan dikira satu elaun pada tiap-tiap 14 hari ia menghadiri mesyuarat itu, termasuk hari cuti atau hari penangguhan di dalamnya. Tetapi syarat ini tidak menyentuh hak seseorang ahli yang tempat kediamannya atau penginapannya di dalam lingkungan 32 km (20 batu) ke tempat mesyuarat atau tugas rasmi itu.

## 7. CARA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN

Apabila mengemukakan tuntutan mengenai perkara-perkara dalam perenggan 1 hingga 6 di atas, satu salinan surat panggilan mesyuarat atau surat arahan menjalani tugas rasmi hendaklah dikepilkkan bersama dengan borang tuntutan.

ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003

## 8. KELAYAKAN PERJALANAN

- (a) Layak untuk tiket kapal terbang Kelas Bisnes bagi perjalanan rasmi. ST 85/1997  
kuat kuasa  
01.11.1996
- (b) Layak dibekalkan 2 Pas Kereta Api percuma bagi Kelas Satu termasuk tempat tidur. ST 97/1996  
kuat kuasa  
27.02.1996
- (c) Bagi perjalanan yang menggunakan feri, keutamaan istimewa adalah diberi.
- (d) semasa Parliment bersidang, Ahli Parliment layak dibayar tambang pergi balik ke Negeri masing-masing pada setiap hujung minggu. Ahli Parliment bagi Semenanjung Malaysia, layak dibayar tambang pergi balik atau Elaun Perjalanan Kenderaan seperti di perenggan kecil 6(a) dengan syarat Bahagian Pilihanraya Parliment Ahli Parliment adalah di luar lingkungan 32 km (20 batu) dari Bangunan Parliment. Bayaran tambang atau Elaun Perjalanan Kenderaan akan diberikan yang sama nilainya dengan 3 hari Elaun Hotel dan 3 hari Elaun Hidup Harian atau tambang pergi balik sebenar, yang mana lebih tinggi. ST 97/1996  
kuat kuasa  
27.02.1996

## **9. ELAUN BULANAN TETAP PERJALANAN**

**ST 179/2006  
kuat kuasa  
01.05.2006**

- (a) Elaun ini dibayar kepada Ahli Dewan Negara pada kadar RM750 sebulan tanpa perlu mengemukakan apa-apa tuntutan.
- (b) Elaun ini dibayar kepada Ahli Dewan Rakyat pada kadar RM1,500 sebulan tanpa perlu mengemukakan apa-apa tuntutan.
- (c) Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat tidak layak membuat tuntutan bagi Elaun Mesyuarat dalam perenggan 1A, Elaun Hidup Harian dalam perenggan 2, Elaun Makan dalam perenggan 3, Bayaran Sewa Hotel dalam perenggan 4, Belanja Pelbagai dalam perenggan 5 dan Elaun Perjalanan Kenderaan dalam perenggan 6 melainkan jika jumlah tuntutan elau-elau ini bagi bulan tertentu melebihi kadar Elaun Bulanan Tetap Perjalanan sebanyak RM750 sebulan dan RM1,500 sebulan masing-masing bagi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat.
- (d) Jika jumlah tuntutan Elaun Mesyuarat dalam perenggan 1A, Elaun Hidup Harian dalam perenggan 2, Elaun Makan dalam perenggan 3, Bayaran Sewa Hotel dalam perenggan 4, Belanja Pelbagai dalam perenggan 5 dan Elaun Perjalanan Kenderaan dalam perenggan 6 bagi bulan tertentu melebihi RM750 sebulan dan RM1,500 masing-masing bagi Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat, pengemukaan tuntutan elau hendaklah disokong dengan resit dan surat jemputan dan amaun yang dibayar balik ialah perbezaan antara Elaun Bulanan Tetap Perjalanan dengan jumlah tuntutan yang dibuat.

### **9A. ELAUN BAHAN API KENDERAAN**

**ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015**

- (a) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Negara sebanyak RM750 sebulan.
- (b) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Rakyat sebanyak RM1,500 sebulan.

### **9B. ELAUN PEMBAYARAN TOL**

**ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015**

- (a) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Negara sebanyak RM200 sebulan.
- (b) Elaun ini layak dibayar kepada Ahli Dewan Rakyat sebanyak RM300 sebulan.

<b>10. ELAUN TETAP PEMANDU KERETA</b>	Elaun Bulanan Tetap Pemandu Kereta sebanyak RM1,500 sebulan layak dibayar tanpa mengemukakan bukti menggaji pemandu kereta.	<b>ST 63/2015 kuat kuasa 01.01.2015</b>
<b>11. ELAUN PAKAIAN PANAS</b>	Ahli Parlimen yang dikehendaki menghadiri suatu tugas rasmi di negara yang beriklim sederhana berhak untuk menuntut Elaun Pakaian Panas berasaskan apa-apa kadar dan atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.	<b>ST 174/2003 kuat kuasa 01.10.2003</b>
<b>11A. ELAUN PAKAIAN RASMI ISTIADAT</b>	Suatu Elaun Pakaian Rasmi Istiadat dibayar pada kadar RM1,500 atas apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan atau apa-apa pindaan kepadanya.	<b>ST 63/2015 kuat kuasa 01.01.2015</b>
<b>11B. BANTUAN BAYARAN PAKAIAN BLACK TIE</b>	Ahli Parlimen layak dibayar bantuan bayaran pakaian “Black Tie” sehingga had maksimum RM1,000 sekali dalam tempoh 3 tahun atas apa-apa terma dan syarat bagi bantuan bayaran pakaian “Black Tie” yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.	<b>ST 63/2015 kuat kuasa 01.01.2015</b>
<b>12. LESEN KENDERaan MOTOR PERCUMA</b>	Ahli Parlimen layak mendapat 1 Lesen Kenderaan Motor percuma bagi sebuah kereta sahaja dengan syarat kereta itu didaftarkan di bawah nama Ahli Parlimen itu sendiri.	<b>ST 174/2003 kuat kuasa 01.10.2003</b>
<b>13. LESEN PERCUMA SENJATA API</b>	Lesen percuma bagi 1 senjata api yang didaftarkan atas nama sendiri adalah dibekalkan.	
<b>14. LENCANA KERETA</b>	1 set lencana kereta percuma layak dibekalkan untuk digunakan menurut arahan Jawatankuasa Dewan Parlimen.	

## **15. KAD AHLI PARLIMEN**

1 kad Ahli Parlimen percuma yang ditandatangani sendiri oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau Dewan Rakyat yang mana berkenaan, layak dibekal untuk digunakan menurut arahan Jawatankuasa Dewan Parlimen.

## **16. SURAT-MENYURAT**

Ahli Parlimen layak menghantar surat atas urusan Kerajaan atau urusan Parlimen secara percuma di dalam Malaysia menurut peraturan seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa Dewan Parlimen.

## **17. WARTA KERAJAAN**

Dibekalkan percuma 1 naskhah *Warta* Kerajaan Persekutuan bagi tiap-tiap keluaran semasa.

## **18. TELEFON**

(a) Diperuntukkan dengan 1 telefon talian terus dalam tempat kediaman persendirian Ahli Parlimen itu.

**ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003**

(b) Diperuntukkan dengan 1 telefon talian terus di pejabat perkhidmatan.

(c) Kos pemasangan dan sewa telefon yang dilakukan berkenaan dengan subperenggan (a) dan (b) ditanggung oleh Kerajaan.

(d) Ahli Parlimen layak diperuntukkan dengan sebuah telefon bimbit atau alat komunikasi mudah alih dengan harga tidak melebihi RM2,000 sekali dalam masa 2 tahun dan hendaklah disokong dengan resit asal pembelian.

**ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015**

(e) Suatu Elaun Telefon pada kadar RM900 sebulan dibayar tanpa memerlukan sokongan apa-apa resit.

**ST 179/2006  
kuat kuasa  
01.05.2006**

## **19. KEMUDAHAN PERUBATAN**

(a) Diberi kemudahan rawatan dan perubatan secara percuma, dikecualikan daripada bayaran wad di hospital-hospital serta klinik-klinik Kerajaan dan berkelayakan mendapat tempat di dalam wad kelas satu bilik berseorangan; melainkan di dalam keadaan kecemasan di mana Ahli Parlimen itu terpaksa mendapatkan rawatan dan perubatan di sesuatu hospital atau klinik swasta, (tetapi tidak termasuk rawatan

pergigian), bayaran mengenainya serta bayaran wad akan dibayar balik oleh Kerajaan.

- (b) Ketika berada di luar Malaysia semasa menjalankan tugas rasmi, Kerajaan akan membayar balik sepenuhnya bayaran rawatan dan perubatan termasuk bayaran wad di hospital tetapi tidak termasuk rawatan pergigian.
- (c) Seseorang Ahli Parlimen yang memerlukan rawatan khas di luar Malaysia layak mendapat kemudahan atas syarat-syarat yang sama seperti dinikmati oleh pegawai Kerajaan.
- (d) Kemudahan perubatan ini dipanjangkan juga kepada keluarga Ahli Parlimen. Bagi maksud ini keluarga bermakna
  - 
  - (i) isteri atau suami;
  - (ii) anak yang ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Parlimen dan berumur di bawah 21 tahun kecuali anak-anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani yang mana had umur ini tidak dipakai.
  - (iii) ibu-bapa yang sah, sebagaimana pemakaianya mengikut Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan atau apa-apa pindaan kepadanya.

ST 63/2015  
kuat kuasa  
01.01.2015

## 20. PINJAMAN KERETA

- (a) Ahli Parlimen layak memohon pinjaman kereta sehingga maksimum RM100,000 sekali dalam tempoh 4 tahun dengan dikenakan caj perkhidmatan 4% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai.
- (b) Pinjaman dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik dengan bayaran yang sama banyak jumlahnya pada tiap-tiap bulan dalam masa tidak melebihi 60 bulan bagi sebuah kereta yang baru dan 48 bulan bagi kereta yang sudah dipakai atau sebelum tamat tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen.
- (c) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan lain mengenai pinjaman kereta bagi Ahli Parlimen adalah seperti ditetapkan oleh Jawatankuasa Dewan Parlimen.

ST 179/2006  
kuat kuasa  
01.05.2006

## **21. PINJAMAN PERUMAHAN**

- (a) Ahli Parlimen layak memohon pinjaman perumahan sehingga maksimum RM360,000 bagi maksud-maksud seperti berikut –
- (i) membeli tanah dan rumah yang telah siap dibina;
  - (ii) membina rumah di atas tanah sendiri;
  - (iii) membeli tanah dan terus membina rumah;
  - (iv) menyelesaikan pinjaman wang perumahan atau baki pinjaman yang diambil dari bank atau punca-punca lain yang disahkan oleh Kerajaan;
  - (v) membeli tanah sahaja dengan syarat kadar pinjaman adalah separuh daripada kelayakannya. Baki pinjaman layak diberi apabila hendak mendirikan rumah di atas tanah itu.
- (b) Pinjaman perumahan dikenakan bayaran perkhidmatan sebanyak 4% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai.
- (c) Tempoh pembayaran balik adalah seperti berikut –
- (i) bagi jenis pinjaman tersebut di (a) (i), (ii), (iii) dan (iv); tempoh pembayaran balik adalah tidak melebihi 25 tahun;
  - (ii) bagi membeli tanah sahaja, tempoh pembayaran balik adalah tidak melebihi 12 tahun.
- (d) Pinjaman perumahan adalah juga bagi memperbaiki rumah dan kelengkapan rumah yang dipasang tetap.
- (e) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan mengenai pinjaman perumahan adalah seperti dalam Pekeliling LPPSA Bil. 1 Tahun 2016.

## **21A. PINJAMAN KOMPUTER**

- (a) Ahli Parlimen layak memohon pinjaman komputer.

**ST 13/2007  
kuat kuasa  
06.12.2006**

**ST 85/1997  
kuat kuasa  
01.11.1996**

(b) Amaun pinjaman, terma dan syarat hendaklah sama mengikut amaun dan atas terma dan syarat yang dinikmati oleh pegawai Kerajaan.

#### **21B. Kemudahan Komputer**

Ahli Parlimen layak untuk diperuntukkan dengan sebuah komputer peribadi bagi setiap Penggal Parlimen. Tuntutan bagi pembelian komputer itu tertakluk kepada had maksimum RM6,000 disokong dengan resit asal pembelian.

**ST 174/2003  
kuat kuasa  
01.10.2003**

**Kertas Statut 235 Tahun 1983**  
**MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980**  
**(Akta 237)**

**PERENGGAN YANG DIPINDA**

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
1	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
1A	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 97 Tahun 1996	27.02.1996
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
1B	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
1C	Kertas Statut 179 Tahun 2006	01.05.2006
2(a)	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
2(b)	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
3	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
4(a)	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
4(b)	Kertas Statut 35 Tahun 1991	28.02.1991
	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 179 Tahun 2006	01.05.2006
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
7	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
8(a)	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996

**Kertas Statut 235 Tahun 1983**  
**MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980**  
**(Akta 237)**

**PERENGGAN YANG DIPINDA**

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
8(b)	Kertas Statut 80 Tahun 1989 Kertas Statut 30 Tahun 1993 Kertas Statut 97 Tahun 1996	13.06.1989 01.10.1992 27.02.1996
8(c)	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
8(d)	Kertas Statut 30 Tahun 1993 Kertas Statut 97 Tahun 1996	01.10.1992 27.02.1996
9	Kertas Statut 30 Tahun 1993 Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.1992 01.10.2003
9(a),(b),(c),(d)	Kertas Statut 179 Tahun 2006	01.05.2006
9A (a), (b)	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
9B (a), (b)	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
10	Kertas Statut 30 Tahun 1993 Kertas Statut 85 Tahun 1997 Kertas Statut 174 Tahun 2003 Kertas Statut 179 Tahun 2006 Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.10.1992 01.11.1996 01.10.2003 01.05.2006 01.01.2015
11	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
11A	Kertas Statut 174 Tahun 2003 Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.10.2003 01.01.2015
11B	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
12	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
18(a),(b)	Kertas Statut 85 Tahun 1997 Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.11.1996 01.10.2003
18(c)	Kertas Statut 30 Tahun 1993 Kertas Statut 85 Tahun 1997 Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.1992 01.11.1996 01.10.2003

**Kertas Statut 235 Tahun 1983**  
**MALAYSIA**

**AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980**  
**(Akta 237)**

**PERENGGAN YANG DIPINDA**

Perenggan	Kuasa Meminda	Berkuat kuasa dari
18(d)	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 97 Tahun 1996	27.02.1996
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
18(e)	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 179 Tahun 2006	01.05.2006
19(d)(iii)	Kertas Statut 63 Tahun 2015	01.01.2015
20(a)	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 179 Tahun 2006	01.05.2006
21(a)	Kertas Statut 30 Tahun 1993	01.10.1992
	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003
	Kertas Statut 13 Tahun 2007	06.12.2006
21A	Kertas Statut 85 Tahun 1997	01.11.1996
21B	Kertas Statut 174 Tahun 2003	01.10.2003